



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
IKLAN JAWATAN KOSONG

Warganegara Malaysia adalah dipelawa memohon jawatan-jawatan sebagaimana di bawah. Keutamaan akan diberi kepada rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia yang telah menduduki Negeri Johor tidak kurang dari tiga (3) tahun berturut-turut.

1. **NAMA JAWATAN :**

BIL	JAWATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	GRED	TARAF JAWATAN
1.	Pegawai Perancang Bandar Dan Desa	Kejuruteraan	J41	Tetap / Kontrak
2.	Pegawai Teknologi Maklumat	Sistem Maklumat	F41	Tetap / Kontrak
3.	Pegawai Penguat Kuasa	Keselamatan Dan Pertahanan Awam	KP41	Tetap / Kontrak
4.	Penolong Pegawai Penguat Kuasa	Keselamatan Dan Pertahanan Awam	KP29	Kontrak
5.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	Pentadbiran dan Sokongan	N19	Tetap / Kontrak

2. **JADUAL GRED GAJI :**

Gred J41	:	RM2,529.00	-	RM9,643.00
Gred F41	:	RM2,315.00	-	RM9,618.00
Gred KP41	:	RM2,081.00	-	RM9,547.00
Gred KP29	:	RM1,493.00	-	RM5,696.00
Gred N19	:	RM1,352.00	-	RM4,003.00

3. **SYARAT-SYARAT LANTIKAN :**

- Semua jawatan hendaklah terdiri daripada **WARGANEGARA MALAYSIA**.

3.1 JAWATAN 1 – PEGAWAI PERANCANG BANDAR & DESA GRED J41

- (a) Ijazah Sarjana Muda Perancang Bandar dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41 : RM2,529.00); atau

- (b) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang Geografi, Ekonomi, Sains Sosial, Antropologi atau perangkaan yang diiktiraf oleh Kerajaan serta Ijazah Sarjana atau Diploma Lulusan Ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41 : RM2,529.00); atau

- (c) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam serta Ijazah Sarjana atau Diploma Lulusan Ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41 : RM2,736.28); atau

- (d) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina serta Ijazah Sarjana atau Diploma Lulusan Ijazah dalam bidang perancangan bandar atau bidang-bidang lain berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41 : RM2,943.84)

- (e) **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- (f) **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 3.1 (a) hingga (d); dan
- (b) had umur pelantikan:-
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

(g) **DESKRIPSI TUGAS :**

- (a) Merancang, menyediakan, menyelia dan menyelaras kajian rancangan pembangunan dan pelan-pelan pembangunan serta membuat laporan teknikal dan memberi nasihat perancangan termasuk pelan tata-aturn.

3.2 JAWATAN 2 – PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED F41

- (a) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41 : RM2,315.00) atau

- (b) Ijazah sarjana muda kejuruteraan dalam bidang komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM2,522.44); atau

- (c) Ijazah sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM2,833.78); atau

- (d) Ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM3,145.11), dan

(e) **SYARAT LANTIKAN BAHASA MELAYU :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(f) **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN :**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(g) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3.2 (a) hingga (d); dan

(ii) had umur pelantikan:

- (a) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (b) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (c) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

(h) **DESKRIPSI TUGAS :**

- (i) Melaksanakan kajian kesesuaian sistem maklumat organisasi yang sedia ada dan seterusnya menganalisis, mereka bentuk, membangun, melaksana dan menyelenggara sistem-sistem maklumat yang digunakan di organisasi.
- (ii) Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam melaksanakan fungsi tugas berdasarkan keperluan organisasi.
- (iii) Menjalankan analisis dan menjadi sumber rujukan dalam bidang tugas
- (iv) Mengurus dan menggembeleng beberapa projek ICT atau unit serta mensintesis pengurusan sumber, infrastruktur dan kewangan.
- (v) Memimpin dalam pelaksanaan projek ICT seiring dengan misi, visi dan objektif organisasi.

3.3 JAWATAN 3 - PEGAWAI PENGUAT KUASA GRED KP41

- (a) Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41 : RM2,081.00) atau

- (b) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Inspektor Polis atau Leftenan Muda atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik;

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: RM2,081.00); atau

- (c) Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: RM2,285.00); atau

- (d) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41: RM2,387.21), dan

- (e) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:

- (i) tinggi sekurang-sekurngnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

(f) **SYARAT LANTIKAN BAHASA MELAYU :**

Calon bagi lantikan dengan kelayakan 3.3(a), (c), dan (d), hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(g) **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN :**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penguat Kuasa adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Penguat Kuasa Gred KP41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3.3 (a) hingga (d);
atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

(h) **DESKRIPSI TUGAS :**

- (a) Menyelaras dan mengenalpasti aktiviti sosial di Pusat Bandar dan kawasan seliaan serta aktiviti penguatkuasaan melalui tindakan notis amaran, kompaun dan sitaan.
- (b) Penyediaan laporan dan kertas siasatan untuk tindakan pendakwaan atau kompaun di mahkamah.
- (c) Merekod dan melaporkan isu Pusat Bandar dan kawasan seliaan bagi tujuan penyelarasan dan penambahbaikan dari masa ke semasa
- (d) Menyelia pasukan istiadat, perancangan dan pasukan khas kehormatan menyertai upacara dan istiadat di peringkat MBB.

- (e) Menyelaras anggota untuk kawalan lalulintas dan keselamatan.
- (f) Memastikan sistem yang di gunapakai mencapai piawaian yang ditetapkan oleh audit.
- (g) Mengadakan latihan kepada anggota terhadap sistem yang digunapakai untuk membentuk penguatkuasaan ke arah digital.

3.4 JAWATAN 4 – PENOLONG PEGAWAI PENGUAT KUASA GRED KP29

- (a) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29 : RM1,493.00); atau

- (b) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,493.00); atau

- (c) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,493.00); atau

- (d) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,770.95); atau

- (e) Diploma dalam bidang undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,846.15)

- (f) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

- (i) tinggi sekurang-sekurang 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

- (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

(g) **SYARAT LANTIKAN BAHASA MELAYU :**

Calon bagi lantikan dengan kelayakan 3.4(a), (b), (d) atau (e) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(h) **SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN :**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penguat Kuasa atau Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, Gred AB22 atau Gred AB26 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penguat Kuasa Gred KP29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3.4(a) hingga (e); atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

(i) **DESKRIPSI TUGAS :**

- (a) Menjalankan pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan bagi menguatkuasakan undang-undang di bawah akta-akta berkaitan menjalankan siasatan kes-kes rampasan dan menjalankan tugas-tugas pendakwaan di Mahkamah.
- (b) Menjalankan tugas-tugas operasi dan penguatkuasaan, pendakwaan mahkamah dan pelesenan dan ujian memandu serta pendaftaran kenderaan.
- (c) Bertanggungjawab membantu mengurus Pentadbiran am dan Kewangan Bahagian, menjalankan pemeriksaan perisikan, serbuan dan kes-kes pendakwaan mahkamah.

3.5 JAWATAN 5 – PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau

- (b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau

- (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).

- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysi/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(e) **Syarat Peningkatan Secara Lantikan**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3.5(a) hingga (c);
atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

(f) **DESKRIPSI TUGAS :**

- (a) Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

4. **UMUR :**

Calon bagi lantikan hendaklah berumur :

- (a) tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; **DAN**
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

5. **CARA MEMOHON :**

- (a) Permohonan boleh dibuat secara atas talian sepenuhnya melalui Sistem eJawatan di pautan <https://apl.mbjb.gov.my/ejawatan>
- (b) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat mestilah membuat permohonan melalui Ketua Jabatan mengikut Perintah Am Bab 'A' Bil.17 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) Tahun 2005 dan memastikan Laporan Penilaian Prestasi dan Penyata Perkhidmatan yang dikemaskini disertakan bersama-sama.
- (c) Tarikh tutup permohonan ialah pada **01 SEPTEMBER 2024.**
- (d) Semua permohonan yang dikemukakan hendaklah disertakan dokumen-dokumen sebagaimana berikut dan telah diakui **SAH** :-
 - (i) salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);
 - (ii) salinan Sijil Penilaian Menengah Rendah (PMR);
 - (iii) salinan transkrip pengajian;
 - (iv) salinan sijil Diploma/Ijazah;
 - (v) salinan semakan Pengiktirafan Kelayakan dari JPA melalui laman web interaktif <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm> (Sijil / Diploma / Ijazah);
 - (vi) salinan sijil/dokumen akademik dan lain-lain yang berkaitan;
 - (vii) salinan Lesen Kelas Memandu;
 - (viii) salinan kad pengenalan;
 - (ix) salinan sijil kelahiran; dan
 - (x) gambar berukuran pasport terbaru.

Untuk maklumat lanjut sila layari laman web rasmi Majlis Bandaraya Johor Bahru di alamat www.mbjb.gov.my.

6. **CATATAN AM :**

- (a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (b) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggung jawab calon sendiri.
- (c) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.
- (d) Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat seperti dalam iklan akan **ditolak serta merta.**



(DATO' HAJI MOHD. NOORAZAM BIN DATO' HAJI OSMAN)

Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Tarikh :
Rujukan : MBBJ/U/2010/02/PJW/3/7